

# SIRI YAKIN BOLEH, MALAYSIA BOLEH!


## YAKIN BOLEH, MALAYSIA BOLEH!



Mohamad Ismail Ahmad

Editor:  
Siti Zawiyah Zakaria  
Ahmad Hj Abu

PENERBIT MIKAMAS



Yakin boleh, Malaysia boleh!

# YAKIN BOLEH, MALAYSIA BOLEH!

## PENGENALAN

Seperti ada sesuatu azimat kepada rakyat Malaysia apabila mendengar lagu Yakin Boleh. Suara ini bergema untuk menambah keyakinan kepada seluruh rakyat Malaysia untuk mencapai matlamat dalam apa juga bidang. Semoga cabaran yang datang dapat dihadapi dengan tabah, kuat, dan bersatu.

Seperti kebanyakan perkara, apabila sesuatu dilakukan dengan bersungguh-sungguh maka hasilnya akan beroleh kejayaan. Apa sahaja yang dilakukan tanpa kerelaan dan kemahanian yang kuat pasti akan membawa kegagalan.

Justeru itu, rakyat Malaysia kini yakin bahawa mereka telah menetapkan matlamat yang tepat dan yakin dengan apa yang dilakukan. Cabaran yang datang dijadikan sebagai landasan untuk mencapai kejayaan. Keyakinan ini semakin padu dengan adanya pemimpin-pemimpin negara yang turut berpadu tenaga dalam menjaya wawasan negara.

### KEJAYAAN DEMI KEJAYAAN

Walaupun ada yang menafikan kebolehan Malaysia untuk membina sebuah negara maju. Namun suara-suara sumbang itu tidak pernah diperdulikan oleh pemimpin-pemimpin negara. Suara itu dianggap sebagai cabaran yang mesti ditempoh



Setelah 40 tahun mencapai kemerdekaan, kejayaan demi kejayaan banyak dicapai.

tanpa mengurangkan usaha dan kemahiran kita untuk menjadi sebuah negara yang maju.

Keinginan kita untuk membina negara Malaysia yang maju sama seperti negara-negara lain di dunia rupa-rupanya telah membawa cabaran yang paling hebat. Bukan sedikit cabaran yang terpaksa dihadapi, ia umpama satu pengorbanan yang terpaksa dipikul oleh rakyat, pemimpin, dan negara.

Cabaran demi cabaran yang dilalui rupa-rupanya tidak mengecewakan. Walaupun rintangnya sukar dan getir tetapi imbuhaninya cukup membanggakan. Ini jelas terbukti dengan kejayaan demi kejayaan yang kini dinikmati oleh rakyat. Keharmonian dan semangat setia kawan telah membina satu benteng yang sukar digugat oleh orang luar.

### PEMBINAAN JAMBATAN PULAU PINANG

Apabila ura-ura kerajaan untuk membina jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Seberang Prai, pelbagai kritikan dan cemuh yang dibuat oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Pelbagai implikasi diketengahkan dengan sebab-sebab yang sukar diterima oleh kerajaan. Suara ejekan dan sindiran juga bukan sedikit.


Tetapi dengan sikap tabah dan keyakinan yang teguh, maka terbinalah jambatan yang merupakan satu daripada mercu kejayaan negara. Pada masa itu, ramai orang yang mula memberikan pujian dan tahniah atas kejayaan tersebut. Malah orang yang pernah mencemuh juga turut melalui jambatan yang dibina itu.

Sikap manusia yang sering mengkritik tanpa memikirkan sesuatu sebenarnya bukanlah sikap yang baik. Sikap begini akan menghancurkan sebuah negara malah akan menjahannamkannya sekali. Teguran ini kadangkala bukan lahir daripada sikap prihatin tetapi rasa iri hati dan dengki dengan kelebihan dan kebolehan yang dimiliki oleh orang lain.

## LANGKAWI PULAU LAGENDA

Langkawi pernah di letakkan sebagai sebuah pulau yang tidak mendatangkan apa-apa hasil ekonomi kepada negara. Malah apabila kerajaan ingin menjadikan Langkawi sebagai sebuah pulau bebas cukai, ada yang tersenyum simpul mengenangkan keajiban yang dirancangkan. Mungkin mereka menafikan akan munculnya sebuah pulau yang dahulu disingkirkan kerana sumpahan Mahsuri yang penuh dengan legenda itu.

Ramai yang menolak kemungkinan Pulau Langkawi yang mundur dari pelbagai aspek akan maju seperti pulau-pulau lain. Tetapi pihak yang berinovasi tinggi melihatnya daripada satu sudut yang tidak dilihat oleh orang lain. Dengan keyakinan dan kerja kuat juga akhirnya Pulau Langkawi menjadi sebuah pulau bebas cukai.



Keindahan Pulau Langkawi menarik ramai pelancong asing.

Pada masa ini, Pulau Langkawi bukan sahaja terkenal sebagai sebuah pulau yang menawarkan pelbagai barang yang murah tetapi juga merupakan tempat tumpuan para pelancong dari dalam dan luar negara. Legenda yang bermula di fikiran rakyat mula hilang dalam ingatan, apa yang menariknya Pulau Langkawi ialah syurga membeli-belah yang menawarkan pelbagai barang.

### KERETA NASIONAL

Adakah selepas Malaysia mencapai kemerdekaan kita terfikir bahawa satu hari nanti Malaysia akan menjadi pengeluar keretanya sendiri? Pada tahun-tahun 60an tentunya soalan ini sukar dijawab. Kalau ada yang menjawabnya mungkin dalam keadaan terkejut atau pelik.



Kejayaan negara menghasilkan kereta nasional.

Pada hari ini kebanyakan rakyat berbangga kerana memiliki kereta nasional buatan Malaysia. Walaupun terdapat komponen yang diimport dalam pembinaan kereta tersebut tetapi rasa bangga tetap bersemi di dalam hati rakyat Malaysia. Sungguhpun kereta nasional Proton masih menggunakan kepakaran luar, tetapi itu lebih baik daripada kita menggunakan seratus peratus kereta yang diimport. Sekurang-kurang dengan adanya pengeluaran kereta nasional di negara ini ramai daripada rakyat dapat menikmati faedah dengan mendapat pelajaran dan ganjarannya.

Pada mula-mula projek kereta nasional dibina, pelbagai kritikan dan permasalahan yang terpaksa dihadapi oleh kerajaan. Masalah yang timbul dapat diatasi dengan semangat yang kuat dan yakin akan kejayaan yang akan dihasilkan oleh projek itu.

Walaupun beberapa sebotaj dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak suka melihat kemajuan di negara ini. Akhirnya pada Mei 1983 kereta nasional yang pertama dilancarkan. Kereta



Proton Putra 1.8 EXi yang dilancarkan oleh Dr. Siti Hasmah.

pertama ini diberikan nama Protan Saga yang membawa maksud kekuatan dan keunggulan (buah saga yang kuat dan sukar dipecahkan).

Keluaran kereta nasional tidak berhenti di situ sahaja, cabaran dan harus pembangunan serta ekonomi yang meningkat melahirkan banyak lagi kereta nasional yang berprestij tinggi seperti Proton Iswara, Proton Perdana, Proton Satria, dan Proton Tiara.

Hasil daripada kajian kereta nasional yang mendapat sambutan menggalakkan maka dengan inovasi yang ada lahir pula PRODUA Kancil dan Rusa. Peningkatan ini terus membuka peluang kepada ramai pengusaha dalam bidang perniagaan kenderaan bermotor.

Kerana keperluan rakyat pelbagai peringkat cadangan mengeluarkan motorsikal pertama Malaysia dirasakan sesuatu yang boleh mengawal import negara. MODENAS kemudian memulakan operasinya di Gurun, Kedah bagi mengeluarkan


motosikal pertama negara yang diberi nama Kriss.

Motosikal ini dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Walaupun sindiran sinis dalam setiap keluaran automobil negara namun dengan sikap yakin maka segala rintangan dapat diatasi. Hari ini terdapat sebanyak 80 peratus keluaran kereta nasional negara bergerak di jalan raya. Kereta nasional menjadi kebanggaan rakyat



Kereta Proton Wira dijadikan kereta peronda.



Menara Kembar Petronas lambang kemegahan negara.

Malaysia dan dapat menyaingi keluaran luar negara sama ada daripada segi harga dan mutunya.

### KLCC MERCU TANDA KEGEMILANGAN NEGARA

Siapa sangka bahawa negara yang kecil dan mundur satu hari dahulu berjaya membina kemegahan dan kegemilangan dalam tempoh yang singkat. 40 tahun merdeka bukanlah satu tempoh yang lama tetapi usia sebegini ibarat permulaan meningkat dewasa bagi sesebuah negara.

Malaysia negara kecil yang mempunyai bilangan penduduk seramai 7 juta orang pada sekitar tahun 70an kini telah meningkat kepada 20 juta orang. Peningkatan penduduk ini turut membuka peluang kepada pelbagai sektor untuk turut bergerak pantas dengan keperluan masyarakatnya. Pelbagai peluang yang ada tidak pernah disia-sia. Malaysia hari ini umpama orang yang mula matang dan dewasa.

Rakyat Malaysia terus berbangga dengan kemajuan yang dicapai. Walaupun masih ramai yang belum menjejakkan kaki ke KLCC atau dikenali juga dengan Kuala Lumpur City Center, namun dipercayai telah ramai yang pergi untuk menikmati keindahan dari puncak KLCC.

Kekaguman ini tidak berakhir begitu sahaja, pelbagai keajiban yang dapat dilihat dari atas KLCC. Walaupun dari bawah sayup mata memandang, KLCC dapat dilihat dari jauh. Bagi pelancong asing melawat KLCC merupakan satu

kemestian.  
KLCC  
merupakan  
mercu  
kegemilangan  
rakyat Malaysia.  
Kemajuan dan  
kegemilangan ini  
adalah hasil  
kecekapan  
pentadbiran  
yang diamalkan  
oleh pemimpin-  
pemimpin  
negara. Faktor  
alam semula jadi  
bukan menjadi  
sebab maju atau  
mundurnya  
sesbuah  
negara. Malah  
Perdana Menteri  
Datuk Seri Dr.  
Mahathir  
Mohamad juga



Kuala Lumpur City Center mercu tanda kegemilangan Malaysia.

pernah berkata: "Maju mundurnya sesebuah bangsa bergantung kepada nilai hidup yang dipegang dan diamalkan oleh bangsa itu sendiri. Malah kita jangan lupa bahawa kemajuan tidak akan datang bergolek."

### MENARA KEMBAR PETRONAS

Di samping KLCC yang menjadi kebanggaan negara terdapat sebuah lagi menara yang turut menjadi kebanggaan Malaysia. Menara Kembar Petronas yang tinggi menyapu awam tersergam indah di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur. Menara ini menjadi simbol kemegahan rakyat Malaysia.



Menara kembar Petronas.



Peta kedudukan Putrajaya.

## PUTRAJAYA

Dalam menentukan matlamat untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Malaysia perlu menguasai segala kecekapan baik daripada segi pentadbiran, perdagangan, ilmu, dan industri tercanggih. Justeru itu, pembinaan Putrajaya dirancang bagi menempatkan jentera kerajaan di satu kawasan yang lebih flaksibel dengan suasana yang dapat

mencetuskan idea dan inovasi sejajar dengan matlamat kerajaan memantapkan lagi keteguhan dan kekuatan perhubungan dengan dunia luar.

Putrajaya merupakan salah satu daripada projek gergasi yang dirancang oleh kerajaan. Dengan keluasan tanah yang melebihi 4000 hektar akan menjadi Koridor Utama Pelbagai Media seluas 15 kilometer kali 40 kilometer dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang baru. Kos pembinaan keseluruhan bandar raya ini ialah RM20 bilion. Putrajaya akan memulakan operasi pada tahun 1998 dengan menempatkan Jabatan Perdana Menteri.

Menjelang tahun 2005 sebuah bandar raya komunikasi dan koridor pelbagai media yang dikenali sebagai Putrajaya akan wujud sebagai Pusat Pentadbiran Persekutuan yang baru. Bandar raya ini dibina dengan menggunakan konsep perhubungan tiga hala iaitu hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia, dan manusia dengan alam.

Apabila siap keseluruhannya, kesemua kementerian, jabatan, termasuk kediaman Perdana Menteri akan ditempatkan di bandar raya yang serba canggih ini.

Pembinaan bandar raya yang sedang rancak dilaksanakan ini dikendalikan oleh Kumpulan Perunding Kota Bistari, iaitu sebuah konsortium pelbagai disiplin daripada beberapa buah syarikat tempatan yang ditubuhkan pada tahun 1994. Syarikat-syarikat itu ialah Aktiek Jururancang (M) Sdn. Bhd. Minconsult Sdn. Bhd. Perunding Alam Bina Sdn. Bhd., Rekarancangan Sdn. Bhd. dan Jabatan Perancang Bandar di



Putrajaya dilengkapi dengan teknologi komputer terkini.

Jabatan Kerja Raya dan agensi kerajaan yang lain juga turut terlibat dalam kerja merancang dan membangunkan bandar raya ini.


Satu pelan struktur meliputi kawasan seluas 14 780 hektar telah disediakan oleh kerajaan negeri Selangor Darul Ehsan. Mengikut perancangan, bandar raya ini dijangka menempatkan 570 000 orang yang mana 250 000 akan menetap di Putrajaya. Kira-kira 76 000 kakitangan sektor awam dan 59 000 di sektor swasta dijangka akan bekerja di sekitar Putrajaya.

Fasa pertama projek pembinaan bandar raya ini mengambil masa empat tahun iaitu dari tahun 1996 hingga tahun 2000 dijangka

menelan kos sebanyak RM8.5 bilion yang membabitkan pembangunan infrastruktur kawasan seluas 2 543 hektar.

Fasa kedua dari tahun 2001 hingga tahun 2005 dianggarkan menelan belanja RM11.5 bilion yang meliputi kawasan komersial seluas 1 847 hektar.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membayangkan bahawa Putrajaya akan bercantum dengan Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala



laluan LRT sedang pesat dalam pembinaan.


Lumpur di Sepang untuk menjadi sebuah bandar gergasi seperti Yokohama-Tokyo.

Semasa membuat lawatan ke kawasan tapak pembinaan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan: "Putrajaya adalah kemuncak pencapaian negara dalam mewujudkan identiti masyarakat Malaysia yang berbudaya, berwibawa, dan berpengetahuan selaras dengan wawasan 2020."

Dengan terlaksananya pembinaan bandar raya ini, pembangunan negara yang futuristik akan tertumpah bukan sahaja ke bahagian-bahagian lain negeri Sembilan tetapi juga Melaka, dan Johor. Perubahan dan kemajuan ini akan memberi erti yang bermakna dan meletakkan Malaysia sebagai pusat kewangan serantau menjelang tahun 2020.



Model bandar Putrajaya. Bandar berteknologi tinggi.




Perdana Menteri sedang meninjau kerja-kerja fasa pertama projek Lapangan Terbang Kuala Lumpur.

Projek Putrajaya banyak menguji kekuatan pihak kerajaan dalam menjalankan sebuah projek mega. Walaupun ada juga pihak yang tidak berpuas hati dengan pembinaan Putrajaya namun dengan kejayaan-kejayaan yang pernah dicapai sebelum ini telah membuka hati dan minda mereka menerima pembinaan Putrajaya. Semoga apa yang dirancang untuk membina sebuah bandar baru yang lengkap dengan keperluan pengendalian sebuah kerajaan akan berjaya. Semoga Putrajaya menjadi sebuah bandar yang dapat menyedarkan banyak pihak tentang kebolehan dan keyakinan yang dimiliki oleh kerajaan.


## LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (KLIA)

Malaysia tidak berhenti dengan membina Putrajaya sahaja, malah melihat lebih jauh dengan terbinanya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Lapangan terbang ini terletak di antara Putrajaya, Bandar Baru Nilai, Cyberjaya, dan perjalanan Kuala Lumpur ke Seremban merupakan satu kawasan yang prestij dan mampu membendung kemajuan-kemajuan pada masa akan datang.

Kedudukan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur itu menunjukkan bagaimana pihak berwajib mahukan satu pembangunan yang selaras sehingga menjelangnya tahun 2020. Bandar raya terancang dengan beberapa struktur



Percubaan mendarat Boeing 747 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang.



Komputer tercanggih merupakan keperluan masa kini.

penting menjadi impian pemimpin-pemimpin negara. Dengan rancangan yang teratur ini diharapkan Malaysia mampu menyaingi negara maju lain.

Lapangan terbang yang baru ini akan dapat memenuhi keperluan masa depan negara dalam sektor pengangkutan udara yang serba lengkap dan moden. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang masih dalam pembinaan (semasa teks ini ditulis) telah siap sehingga 80 peratus. Bakinya dijangka siap pada tahun 1998 iaitu bersamaan dengan pesta Sukan Komanwel ke-XVI yang akan berlangsung di Kuala Lumpur.

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang terletak di Sepang, Selangor ini dijangka dapat beroperasi sepenuhnya menjelang tahun 1998. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur akan menjadi pintu utama kepada pelancong dari luar negara. Setelah siapnya lapangan terbang ini kebanyakan urusan penerangan luar akan dikendalikan oleh Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.



Komputer akan digunakan secara menyeluruh di mana sahaja.

## CYBERJAYA BANDAR MULTIMEDIA

Cyberjaya terletak bersebelahan dengan Putrajaya dan hanya beberapa kilometer dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Kelompok bandar-bandar ini akan menjadikan kawasan berhampiran sebagai sebuah kawasan segi tiga emas pada masa akan datang.


Justeru itu tidak hairan kenapa Cyberjaya akan turut membangun kerana adanya pelbagai kemudahan dan kombinasi ini. Cyberjaya merupakan sebuah bandar multimedia yang akan menjadi bandar maklumat kepada dunia luar. Koridor Raya Multimedia (MSC) yang sedang dalam proses pembinaan dijangka siap pada tahun 2000 akan menyediakan pelbagai kemudahan sesuai dengan keperluan semasa negara dalam bidang telekomunikasi.

Dasar langit terbukanya akan memberi peluang kepada kebanyakan negara di dunia ini untuk sama-sama menikmati kemudahan yang disediakan di Cyberjaya. Selain itu rakyat akan turut mendapat manfaat daripada terbinanya Cyberjaya di negara kita.

### PROJEK EMPANGAN BAKUN

Satu lagi projek gergasi yang dalam pembinaan ialah projek Empangan Bakun. Nama Bakun telah menjadi satu nama kontroversi, namun projek ini akan menampung keperluan tenaga elektrik yang semakin meningkat ia tetap diteruskan demi masa depan negara.

Walaupun projek ini menjadi isu kepada sesetengah pihak tetapi kerajaan yang melihatnya sebagai sesuatu yang perlu tetap meneruskan. Di samping itu kerajaan tidak lupa




Contoh Projek Empangan Bakun yang dicadangkan.

memberikan penerangan kenapa projek mega itu terpaksa diteruskan. Keadaan ini memerlukan kefahaman dan sokongan daripada pelbagai pihak.

Namun begitu, kita tidak dapat menafikan hak yang dimiliki oleh pendudukan tempatan dan adat yang didukung. Namun kerana memikirkan keperluan keseluruhan rakyat maka sebelah pihak terpaksa menerima hakikatnya. Seperti yang diketahui, pembinaan projek ini akhirnya terpaksa diberhentikan buat seketika oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Situasi ini merupakan satu tamparan dan cabaran paling hebat yang dihadapi oleh pemerintah masa kini.

Walau bagaimanapun, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tetap menegaskan bahawa projek Empangan Bakun akan tetap diterusnya apabila keadaan pulih kembali. Begitulah yakin dan teguhnya pendirian seorang Perdana Menteri yang mahu melihat pembangunan negaranya berjalan lancar. Walau apapun cabaran yang datang tetap akan dihadapi.



Pembinaan lebuh raya semakin rancak dan menyeluruh.



Kuala Lumpur mempunyai rangkaian jalan raya tercanggih di Asia.

### PEMBINAAN LEBUH RAYA

Pada tahun 70an, untuk pergi ke sesuatu tempat tentunya mengambil masa yang lama. Perjalanan antara Kuala Lumpur ke Johor Bahru sahaja memerlukan masa selama 5 jam hingga 6 jam. Perjalanan antara Kuala Lumpur ke Pulau Pinang pula mengambil masa selama 6 jam.

Kini dengan adanya Lebuhraya Utara Selatan perjalanan menjadi lebih cepat dan mudah. Projek lebuhraya ini banyak membantu manusia menendekkan sesuatu jarak perjalanan. Projek lebuhraya merupakan satu daripada projek untuk kemudahan awam. Projek ini dilaksanakan untuk memenuhi kemajuan dan keperluan pengangkutan darat yang semakin bertambah.

Lebuh raya di Malaysia menggunakan sistem kawalan yang moden dan disediakan juga dengan keperluan asas pengguna seperti tempat berhenti rehat, restoran menjual makanan dan minuman, stesen minyak, dan tandas awam. Semua ini untuk memudahkan pengguna lebuh raya. Selain itu diadakan juga unit peronda lebuh raya bagi mengawal sesuatu kejadian kemalangan atau kerosakan sebarang kendaraan yang sedang melalui lebuh raya itu.

Lebuh raya yang tercanggih dengan menggunakan sistem kawalan komputer ialah Lebuh Raya Damansara- Sungai Besi. Lebuh raya ini telah beroperasi pada tahun tahun 1997.



Kejayaan pasukan badminton merampas Piala Thomas menunjukkan keyakinan pemain dan kejayaan negara.

## SUKAN

Kehadiran atlit negara dalam beberapa tahun kebelakangan ini amat membanggakan dan menaikkan nama negara di arena sukan antarabangsa.

Kejayaan merebut kembali Piala Thomas dari tangan Indonesia merupakan detik-detik yang mengembirakan kepada seluruh rakyat Malaysia.

Dalam kebanyakan acara sukan, kebolehan negara melakukan sesuatu yang mengejutkan tidak dapat dinafikan. Ini kerana prestasi seseorang atlit itu tidak dapat diagak dengan tepat. Kadangkala kebolehan, masa, dan keyakinan yang ada dapat melakukan kejutan dalam sesuatu acara memangnya tidak dapat dinafikan.



Kejayaan dalam pasukan bola sepak.



Perdana Menteri meraikan kontijen Malaysia ke Sukan Olimpik '96.

Semoga kemunculan atlit muda dapat membantu negara melengkakkan pungutan emas untuk menara. Kesediaan atlit yang berkeyakinan juga akan meletakkan negara ditempat teratas dalam arena sukan. Harapan negara untuk mendapatkan kilauan emas terletak di tangan para atlit. Mereka harus melakukan yang terbaik dan yakin boleh.

Tahun 1998 ialah tahun yang amat dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia kerana pada tahun ini kita akan meraikan pesta Sukan Komanwel Ke-XVI. Keyakinan atlit negara untuk merebut peluang memungut sebanyak mungkin pingat amat diharapkan oleh seluruh rakyat Malaysia.



Sokongan padu peminat turut menyakinkan atlit negara untuk mencipta kejayaan.



Pembangunan negara terjejas akibat daripada manipulasi.

## MASALAH MATA WANG

Kehangatan ekonomi dan pembangunan Malaysia tiba-tiba perlahan seketika apabila masalah mata wang menjadi tajuk perbualan. Masalah ini menjadi lebih serius pada minggu ketiga apabila mata wang Malaysia di pasaran antarabangsa terus menjunam di paras terendah.

Pertengahan tahun 1997 masalah mata wang menjadi isu yang diperkatakan oleh rakyat Malaysia. Keadaan ini disebabkan adanya manipulasi daripada pihak-pihak tertentu terhadap mata wang negara. Sikap tamak mereka telah memusnahkan kestabilan ekonomi yang dibina selama bertahun-tahun. Semuanya hilang dalam sekelip mata.

Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad sendiri menyifatkan sikap begini keterlaluan. Istilah penyangak yang

diberikan menunjukkan betapa marahnya beliau terhadap mereka yang bertanggungjawab dengan situasi itu.

Apakah yang membuatkan hal ini berlaku? Sikap sesetengah pihak yang hanya memikirkan keuntungan tanpa mempunyai sikap perikemanusiaan akhirnya merosakkan bangsa dan ekonomi negara lain. Pada satu ketika mereka membeli mata wang negara terbabit dan meletakkan negara itu di satu tahap ekonomi yang kelihatannya kukuh, tetapi akan melepaskan pegangan tersebut apabila mereka telah dapat menimba keuntungan daripada pembelian mata wang tersebut. Dengan penjualan mendadak itu telah melimpahkan mata wang yang ada dan menjadikan ianya tidak berharga kerana terlalu banyak. Oleh itu, dengan sekelip mata mata wang tersebut dengan sendirinya akan kurang nilainya.

Kenapa mereka melakukan begitu? Banyak sebab yang boleh dibahaskan. Soal politik, cuba mengaut keuntungan



Eksport negara mungkin bertambah dengan penurunan mata wang.



Nilai ringgit negara jatuh dengan teruknya di pasaran antarabangsa.

berganda, dan menyekat peningkatan sesuatu negara boleh dikaitkan dengan keadaan ini. Bagaimanapun semua cara yang dilakukan adalah salah dan boleh diertikan sebagai pelakuan jenayah.

Walau bagaimanapun, keyakinan yang dimiliki oleh Perdana Menteri Malaysia amat dikagumi. Sikap beliau yang tidak pernah mengaku kalah dalam apa juga keadaan harus diberikan pujian. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengkritik keras sikap mereka yang bertanggungjawab sehingga berlakunya keadaan itu. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak teragak-agak mendedahkan siapakah yang bertanggungjawab sehingga mata wang negara berada dalam keadaan yang sungguh mengelirukan.

Pada masa pemimpin-pemimpin negara lain takut dan teragak-agak untuk mendedahkan siapakah yang bertanggungjawab dengan lantang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskannya. Soros nama yang tidak asing lagi dalam sistem kewangan dunia, yang berselindung di sebalik

sikap dermawannya dikatakan bertanggungjawab terhadap implikasi kewangan negara.

Apa pun yang telah menimpa negara, sebagai rakyat Malaysia yang bersatu hati, sanggup bekerjasama membina negara dan berjanji akan menghadapi apa jua rintangan semusim ini akan tabah dan yakin bahawa segala-galanya akan berakhir dengan tenang dan baik. Semestinya kita sebagai rakyat akan sama berganding bahu untuk menangani segala masalah yang datang.

Kata perpatih "Bersatu teguh, bercerai roboh." Kita rakyat Malaysia seperti satu ikatan yang kukuh dan sukar digugat oleh bangsa luar dengan cubaan untuk memporakperandakan pegangan dan maltamat kita, seharusnya kita lebih berwaspada terhadap anasir luar ini.




Pembangunan negara terus membangun walaupun mata wang Malaysia terjejas di pasaran dunia.

## MALAYSIA MENUJU KEGEMILANGAN

Walaupun sukar diterima kegagalan pada pertengahan tahun 1997 namun ramalan menunjukkan bahawa pembangunan negara akan tumbuh dengan pesatnya menjelang tahun 2000. Kemungkinan ramalan itu sesuatu yang menjadi kenyataan adalah cerah.

Ini jelas dengan beberapa perancangan kerajaan sehingga mencapainya tahun 2000 akan membantu merealisasikan suasana ekonomi negara. Kegemilangan dekad ini akan menandungi masa-masa lampau yang dilalui. Kerana pada masa itu, Malaysia sebagai sebuah negara maju sudah mampu menyesuaikan diri dengan keadaan-keadaan dan implikasi-implikasi yang mungkin berlaku.



Kakitangan Mas antara peserta yang mengambil bahagian dalam perarakaran Hari Kebangsaan ke-40 di Dataran Merdeka.

Justeru itu, segala pahit getir dan kegemilangan lampau boleh dijadikan teladan kepada rakyat dan pemimpinnya. Keyakinan yang disematkan di dalam dada dan kerja kuat semua pihak akan mempercepatkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara.

### **YAKIN BOLEH, MALAYSIA BOLEH**

Kalau tak dipecahkan ruyung namakan dapat sagunya, Seperti juga yang ditegaskan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, " tidak ada kemajuan yang datang bergolek."

Ini menjelaskan bahawa segala yang ingin dicapai baik dalam apa segi sekalipun, kita perlulah berusaha untuk mencapainya. Sebagai rakyat kita tidak boleh duduk diam dan



Atlit remaja yang bakal menerajui negara dalam bidang sukan.



Semangat dan kerja kuat punca kejayaan.

menanti sesuatu yang disediakan tanpa mengambil peluang daripada pembangunan yang ada.

Keyakinan, pendidikan, dan sanggup bekerja kuat merupakan keutamaan untuk mencapai kejayaan. Dalam apa bidang sekalipun, keyakinan merupakan sesuatu yang penting. Tanpa keyakinan, apa yang kita lakukan mungkin hanya separuh jalan.

Motivasi diri yang kuat dan disertakan dengan pengetahuan dalam pelbagai aspek akan turut membantu kita mencapai kejayaan. Keyakinan tanpa usaha juga tidak akan beroleh kejayaan. Setiap bidang yang diceburi biasanya akan melalui pelbagai ranjau. Oleh itu, kita harus melengkapkan diri dengan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan.

Contoh yang paling jelas untuk dijadikan perbandingan ialah Perdana Menteri sendiri, beliau seorang yang kuat bekerja, sentiasa berdisiplin, seorang yang tegas, dan periang serta muhu memahami masalah rakyat.

Melihat Perdana Menteri berucap tentang ekonomi jelas menunjukkan beliau mengetahui pelbagai aspek ekonomi sama ada di dalam atau luar negara. Bercakap tentang perniagaan, beliau adalah usahawan yang berkelibar. Berbicara tentang politik, beliau adalah seorang politikus yang sukar ditandingi. Jelasnya beliau adalah seorang yang sukar ditandingi dalam pelbagai aspek yang diceburi.



Pelancaran bendera Jalur Gemilang oleh Perdana Menteri pada malam 31 Ogos 1997.

Yakin boleh, tentunya kita boleh melakukannya. Walau apapun rintangannya akan kita tempohi tanpa berundur walau selangkah pun. Sekali kita melangkah, kita akan terus melangkah sehingga ke garisan penamat. Yakin Boleh, Malaysia Boleh!



Malaysia akan turut memiliki monorail seperti yang ditunjukkan di dalam gambar ini.

Malaysia boleh menakluki angkasa lepas seperti negara maju lainnya. Malaysia boleh menjadi sebuah negara perindustrian di rantau Asia dan dunia. Malaysia boleh menyaingi bidang pendidikan dengan graduan negara yang mempunyai pelbagai kemahiran. Malaysia boleh membina bangunan tertinggi di dunia. Malaysia boleh menjadi sebuah negara berteknologi tinggi di dunia. Malaysia boleh membekalkan maklumat melalui Koridor Raya Multimedia yang dirancangnya. Malaysia boleh menjadi pengeluar dan pembekal kereta nasional dan bersaing di pasaran dunia.

Malaysia boleh membentuk apa sahaja asalkan rakyatnya yakin boleh melakukannya. Tidak ada perkara yang mustahil melainkan kita merasakan ianya mustahil. Oleh itu, para pelajar harus menyiapkan diri untuk menyambut Wawasan 2020 dengan pengetahuan yang lengkap untuk membolehkan bersaingan di dunia yang serba membangun ini. **YAKIN BOLEH, MALAYSIA BOLEH!**

## **YAKIN BOLEH**

*Jika kau fikirkan kau boleh  
Kau pasti boleh melakukan  
Jika kau fikirkan ragu-ragu  
Usahamu tidak menentu  
Percaya apa kau lakukan  
Tabah apa kau usahakan  
Bertindak atas kemampuan  
Fikirkan boleh!*

*Jika kau fikirkan kejayaan  
Kau pasti boleh melakukan  
Jika kau fikirkan kekalahan  
Kau hampiri kegagalan*

*Percaya apa yang kau lakukan  
Tabah apa kau usaha  
Bertindak atas kemampuan  
Kau boleh! Kau boleh!  
Kau boleh! Kau boleh!*

## **GLOSARI**

1. **Manupulasi** : Perihal atau perbuatan menggunakan sesuatu atau mengerjakan sesuatu dengan cekap.
2. **Implikasi** : Sesuatu (maksud, tujuan) yang disindirkan atau dibayangkan, tetapi tidak dinyatakan dengan terus terang.
3. **Inovasi** : Sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat, dan lain-lain.
4. **Dekad** : Jangka masa sepuluh tahun, dasawarsa.
5. **Anasir** : Bahagian daripada satu atau keseluruhan, makhluk, anggota daripada sesuatu golongan.

## KUIZ MEGA



1. Nyatakan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia.
2. Kenapa KLCC menjadi kebanggaan rakyat Malaysia?
3. Apakah sukan terbesar yang akan diadakan di Malaysia pada tahun 1998?
4. Kenapakah kamu mesti yakin untuk melakukan sesuatu?
5. Siapakah yang membawa kejayaan dan kemajuan kepada Malaysia?
6. Berapa jeniskah kereta nasional yang dilancarkan setakat ini?
7. Sebutkan nama motosikal pertama keluaran Modenas.
8. Di manakah letaknya kilang Modenas?
9. Huraikan maksud di sebalik kata-kata Perdana Menteri: "tidak ada kemajuan yang datang bergolek."
10. Mengapakah kerajaan mempergiatkan pembinaan lebuh raya?